



9 Oktober 2017
9 October 2017
P.U. (A) 306

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (FI) (PINDAAN) 2017

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (FEES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(FI) (PINDAAN) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 378(2)(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) (Pindaan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 10 Oktober 2017.

Pindaan peraturan 9

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2012 [P.U. (A) 483/2012], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda —

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “melibatkan” perkataan “penilaian pakar dan”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “cadangan yang melibatkan” dengan perkataan “cadangan yang disebut dalam seksyen 212 Akta yang melibatkan penilaian pakar dan”.

Pindaan Jadual 1

3. Jadual 1 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kajian semula” di mana-mana juga terdapat perkataan “penilaian pakar dan”.

Pindaan Jadual 5

4. Jadual 5 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kajian semula” di mana-mana juga terdapat perkataan “penilaian pakar dan”.